



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "PROFESION TEKNIKAL PENERAJU KECEMERLANGAN TEKNOLOGI"

6 Disember 2024 / 4 Jamadilakhir 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya; serta mengikhlaskan setiap amal. Semoga dipermudahkan perhitungan kita di Padang Mahsyar, diberatkan timbangan amal kebaikan serta dilimpahi rahmat ihsan Illahi menjadi penghuni syurga. Bersempena sambutan Hari Profesion Teknikal Negara pada hari Sabtu pertama bulan Disember, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

### "PROFESION TEKNIKAL PENERAJU KECEMERLANGAN TEKNOLOGI"

Firman Allah SWT ayat 25 surah al-Hadid:

...وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَرُسُلَهُ بِالْغَيْبِ إِنَّ اللَّهَ

قَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٢٥﴾

Bermaksud:...Kami menjadikan besi mempunyai kekuatan yang hebat dan banyak manfaat bagi manusia. (Dijadikan besi sebegitu supaya manusia menggunakan faedahnya itu dalam kehidupan seharian mereka) dan agar Allah mengetahui orang yang (menggunakan kekuatan dan kehandalannya itu untuk) menegakkan dan mempertahankan agama Allah dan para Rasul Nya walaupun (Allah) tidak dilihatnya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Profesion teknikal merujuk kepada kemahiran dan kepakaran dalam bidang-bidang sains dan teknologi seperti kejuruteraan, senibina, juru ukur bahan dan tanah, pakar kaji bumi, juruteknik dan teknologis. Profesion teknikal adalah teras kemajuan teknologi yang membangunkan pelbagai kemudahan untuk meningkatkan kualiti hidup manusia. Dengan akal kurniaan Illahi, perkembangan teknologi telah mengubah corak hidup manusia; manusia berjaya mereka cipta pelbagai peralatan – membina dan membangunkan pelbagai prasarana, bangunan, masjid, dan hospital; lebuhraya, jambatan dan pelabuhan; kenderaan, kapal dan pesawat, serta pelbagai reka cipta lagi. Kemajuan teknologi telah berupaya menyejahterakan kehidupan manusia, di samping membantu memudahkan manusia menyempurnakan tugas-tugas fardu kifayah yang telah diamanahkan kepada mereka sebagai khalifah untuk memakmurkan muka bumi.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengunjurkan penduduk dunia akan mencecah 8.5 bilion menjelang tahun 2030 dan bakal mencecah 10 bilion menjelang tahun 2050. Pertambahan penduduk dunia bakal mengakibatkan tekanan dan cabaran dalam beberapa sektor, antaranya keperluan tambahan bahan makanan dan bekalan air, tanah yang semakin terhad untuk memenuhi keperluan perumahan, pencemaran alam dan penyebaran penyakit.

Untuk menangani tekanan dan cabaran tersebut, perlu ada penemuan dan penghasilan teknologi baharu dalam pelbagai bidang; antaranya bidang pertanian untuk meningkatkan hasil pengeluaran makanan; pengurusan air untuk memenuhi keperluan bekalan air bersih; pengawalan alam sekitar yang berupaya mengekalkan kebersihan alam melalui pengurusan sampah yang teratur; mengekalkan kehijauan alam dengan sistem penyelenggaraan yang lebih lestari; teknologi perubatan yang berupaya merawat dan mengawal penularan pelbagai penyakit sekali gus menyelamatkan nyawa manusia; teknologi pengangkutan untuk memudahkan pergerakan manusia dan barangan secara selamat; teknologi perhubungan yang berupaya merangkaikan manusia, juga teknologi ketenteraan yang dapat meningkatkan keupayaan pertahanan bagi menjamin keselamatan negara.

Penciptaan pesawat tanpa pemandu (*dron*) telah berupaya mengubah kelangsungan pertanian secara lebih cekap, meningkatkan hasil, sekali gus meningkatkan pendapatan para petani. Malah teknologi *dron* kini dilihat berfungsi dalam pelbagai bidang pekerjaan



seperti operasi mencari dan menyelamatkan, pemantauan, industri pembinaan, pemetaan, ukur tanah, fotografi dan sebagainya.

Tenaga kerja teknikal merupakan tenaga mahir dan tenaga profesional yang telah berperanan penting menyempurnakan tanggungjawab fardu kifayah, yang telah menyejahterakan kehidupan ummah dan sangat besar jasanya kepada negara dan rakyat.

### **Jemaah yang dilimpahi fadhilat Ilahi,**

Islam amat mengutamakan kesejahteraan hidup manusia dan menekankan kepentingan menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran. Pemikir Islam, Ibnu Khaldun meletakkan teknologi (صِنَاعَةٌ) sebagai ciri penting peradaban manusia. Pada awal khutbah, khatib telah membaca ayat 25 surah al-Hadid. Melalui ayat tersebut Allah SWT telah berfirman bahawa besi yang mempunyai kekuatan yang hebat telah diciptakan dengan banyak manfaat supaya manusia menggunakan faedahnya dalam kehidupan seharian. Dan Allah menyeru manusia menggunakan kekuatan dan keahliannya untuk mempertahankan agama Allah yang bermaksud agar manusia menggunakan akal kurniaan Ilahi mengkaji, memikirkan, lalu mengolah dan mencipta sebaik mungkin faedah dan cara besi dapat digunakan melalui kemajuan teknologi untuk kebaikan ummah, selanjutnya membantu meningkatkan syiar Islam.

Ummah diseru menguasai dan mendalami bidang-bidang sains dan teknologi yang berperanan penting menjayakan usaha membangun dan memajukan negara. Hendaklah dengan berani dan ikhlas, diakui bahawa ketika ini, umat Islam masih jauh tertinggal di belakang dalam menguasai kepakaran sains dan teknologi moden. Untuk mencapai taraf umat yang maju, umat Islam sewajibnya menyemaikan azam untuk mempelajari dan menguasai bidang-bidang sains dan teknologi. Namun perlu diingatkan, bahawa segala ilmu dan kemahiran yang dimiliki adalah kurniaan daripada Ilahi, yang menuntut kita untuk sentiasa menambah ketaatan dan kesyukuran; juga memperbetulkan niat memanfaatkan ilmu sains dan teknologi untuk meningkatkan kualiti hidup manusia.

Kisah-kisah kaum terdahulu yang terkandung dalam al-Quran wajar dijadikan iktibar. Penguasaan teknologi kejuruteraan dan penghasilan seni bina yang luar biasa umat terdahulu seperti kaum Tsamud dan Kaum Ad, berupaya menebuk gunung-gunung yang besar untuk dijadikan istana dan menara, namun apabila mereka menafikan



keesaan Allah SWT, melanggar perintah Nya dan tidak bersyukur, segala usaha dan kemajuan mereka diranapkan oleh Allah SWT.

### Jemaah Rahimakumullah

Mimbar menyenaraikan kesimpulan berikut:

**Pertama:** Menguasai ilmu dan kemahiran dalam bidang-bidang sains dan teknologi penting dalam kehidupan manusia. Ummah yang berjaya ialah ummah yang memiliki kepakaran menguasai bidang-bidang sains dan teknologi. Oleh itu menguasai ilmu dan kemahiran dalam bidang sains dan teknologi merupakan fardu kifayah yang wajib dipenuhi.

**Kedua:** Anak-anak wajar dijinakkan, disemai minat, diberikan pendedahan dan bimbingan, diberikan sokongan dan dorongan untuk meminati ilmu sains dan teknologi; selanjutnya berupaya mempelopori teknologi baharu.

**Ketiga:** Ilmu-ilmu sains dan teknologi, malah pencapaian dan kemajuan mestilah diletakkan tujuan untuk mendapat keredaan Ilahi, jauh sekali disalahgunakan untuk merosakkan alam dan mengancam keselamatan dan kehidupan manusia.

Khatib menzahirkan penghargaan kepada seluruh warga kerja di Jabatan Kerja Raya, Lembaga Lebuh Raya Malaysia dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan sebagai agensi teknikal di bawah Kementerian Kerja Raya yang telah mencurahkan khidmat kepada negara – berbakti kepada rakyat. Mudah-mudahan warga kerja di jabatan dan agensi tersebut, sentiasa istiqamah menumpukan sepenuh hati dan kesungguhan membangunkan negara demi kesejahteraan rakyat.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَاَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَاَنْصُرْ جُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya 'Alim Ya Wahhab!**, anugerahkan negara kami warga kerja profesion teknikal yang berkemahiran, bertakwa, beramanah dan memiliki sifat ihsan. Hiasi mereka sifat-sifat mahmudah; sifat kesungguhan, kejujuran, ketekunan, ketelitian dan keikhlasan ketika menyempurnakan amanah demi kebaikan kepada ummah. Semoga mereka tergolong dalam kalangan manusia yang dilimpahi rahmat Mu, dimasukkan dalam kalangan manusia yang menyebarkan kebaikan.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ.